



Anwar pada sesi Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

(Foto BERNAMA)

Pegangan asing susut tidak bererti pelabur hilang keyakinan

Penurunan 0.2 peratus lebih kecil berbanding permodalan saham RM2 trilion

Oleh Farah Marshita Abdul Patah
farahmarshita@bh.com.my

Kuala Lumpur: Penurunan 0.2 peratus pegangan saham asing daripada jumlah keseluruhan permodalan saham di Bursa Malaysia bukan gambaran sebenar keyakinan terhadap ekonomi negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata jumlah penurunan pegangan saham asing itu adalah kecil berbanding keseluruhan permodalan saham sebanyak RM2 trilion yang berlaku antara lain berikutan perubahan pentadbiran di Amerika Syarikat (AS).

Beliau berkata, ia berlaku di seluruh dunia termasuk membabitkan negara jiran seperti Indonesia, Thailand dan Filipina.

"Thailand kehilangan empat kali ganda dari Malaysia iaitu AS\$4,123 juta, manakala Indonesia dua kali ganda pada AS\$1,154 juta," katanya ketika sesi Waktu Pertanyaan Perdana Menteri (PMQT) di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Wan Ahmad Fayhsal Wan Ahmad Kamal (PN-Machang) berhubung punca ramai pelabur asing men-

jual pegangan saham mereka dalam negara kebelakangan ini.

"Saya harus ingatkan, secara keseluruhannya untuk sembilan bulan pertama Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) masih menggalakkan, nilai pelaburan dalam sembilan bulan pertama 2024 naik 10.7 peratus berbanding tempoh sama 2023," katanya.

Anwar berkata, pegangan asing di negara ini kekal pada 19 peratus dari 2023 hingga 2025.

"Pada 2023 (19.5 peratus pegangan asing), akhir 2024, 19.7 peratus dan Januari 2025, masih 19.4 peratus. Jadi (pengurangan) 0.2 peratus tidak menggambarkan keyakinan kepada ekonomi negara.

"Kalau kita tengok ekuiti global, firma penyelidikan seperti Nomura Global Market Research, JP Morgan, HSBC, sudah menaikkan taraf pengesyoran mereka bagi saham syarikat awam.

"Kalau mata penutup sehingga Februari 2025, memang jatuh sebanyak 2.4 peratus di Malaysia, 6.1 peratus di Indonesia, 7.4 peratus di Filipina dan 8.3 peratus jatuh di Thailand. Ini kesan menyeluruh di seluruh dunia," katanya.

Bagaimanapun Anwar berkata, syarikat dan institusi kewangan seperti Maybank, CIMB dan Public Bank masih mencatatkan keuntungan besar.

"Maybank mencatatkan peningkatan 9.7 peratus, CIMB 12.3 peratus dan Public Bank 5.8 peratus. Jadi gambaran (ekonomi) merudum kerana (isu Titah) Adendum ni mimpi apa ni? Dia angka daripada mana? Diceduk

dari mana?

"(Turun) 0.2 peratus daripada RM2 trilion, istilah jatuh dan merudum itu adalah salah dari segi penggunaan bahasa yang saya faham," tegasnya.

Menjawab soalan tambahan Wan Ahmad Fayhsal berhubung laporan Bursa Kuala Lumpur bahawa aliran bersih keluar modal asing sangat tinggi, Anwar berkata, itu adalah pandangan wakil itu sendiri.

Katanya, semua indikator ekonomi negara meningkat dan perkara itu diakui oleh semua.

"Tapi dia masih pertahankan (isu turun) 0.2 peratus itu, walaupun tinggi kejatuhan di Thailand, Indonesia, Filipina, namun (penurunan) 0.2 peratus itu sahaja yang (didakwa) menyebabkan hilang keyakinan.

"Tak apalah, itu pandangan Machang, itu sebab Machang tidak maju," katanya sambil berseloroh akan mengkaji keperluan peruntukan Machang.

Pada sesi itu, Anwar turut menekankan aliran bersih bon daripada pelabur luar adalah positif sebanyak RM1.55 bilion.

"Tapi yang lebih penting bagi saya adalah kadar pertumbuhan, peningkatan pelaburan dan kekuatan Ringgit. Ini adalah tanda dari segi fundamental.

"Keputusan Presiden AS, Donald Trump baru-baru ini menjejaskan Eropah, Kanada, Mexico, China, Latin Amerika dan Afrika.

"Apakah ia akan kekal? Itu kita belum pasti. Tapi untuk menggunakan (isu) ini untuk mendukung langkah (pendekatan) orang asing, saya rasa itu tidak sihat," katanya.